

Newspaper	Utusan Melayu
Date	03/08/17C

Dr. M sengaja alihkan perhatian

Ulm
- 3/8/2017
pg. 8

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad disifatkan sengaja mahu mengalihkan perhatian masyarakat daripada isu sebenar bahawa ahli parti pembangkang di peringkat akar umbi tidak menerimanya sebagai Pengerusi Pakatan Harapan yang diketuai DAP.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bagan Datuk, Dr. Nik Mohammad Azli Nik Ariffin berkata, atas sebab itu, Dr. Mahathir perlu mengada-adakan cerita dan memburukkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Menurutnya, Dr. Mahathir juga pernah mengakui bahawa UMNO tidak boleh dijatuhkan dari luar, sebaliknya ia perlu dijatuhkan dari dalam.

"Atas sebab itu, Dr. Mahathir mengambil kesempatan melagakan pemimpin dalam UMNO dengan mengada-adakan cerita kononnya Ahmad Zahid pernah

berjumpa dengannya untuk mendapatkan sokongan, seminggu selepas dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Mana bukti Naib Presiden UMNO itu pernah berjumpa dengan Dr. Mahathir? Sekadar cakap-cakap sahaja tidak mencukupi kerana Ahmad Zahid memang terkenal dengan sikapnya yang setia kepada ketua sejak dahulu lagi," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir semalam bahawa Ahmad Zahid pernah berjumpa dengannya bagi mendapatkan sokongan untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Kenyataan itu susulan tindakan Ahmad Zahid mendedah-



**NIK MOHAMMAD
AZLI NIK ARIFFIN**

kan kad pengenalan asal Dr. Mahathir iaitu 'Mahathir anak lelaki Iskandar Kutty' dan bukan 'Mahathir Mohamad'.

Sementara itu, Nik Mohammad Azli berkata, Ahmad Zahid juga tidak pernah menghinakan susur galur dan keturunan mana-mana pemimpin di negara ini termasuk Dr. Mahathir.

Katanya, kenyataan Ahli Parlimen Bagan Datoh dalam majlis penutup Mesyuarat UMNO Bahagian Kelana Jaya baru-baru ini hanyalah bertujuan untuk menyatakan kepada umum.

Menurutnya, ucapan Ahmad Zahid pada majlis itu langsung tidak berbau penghinaan, sebaliknya ia hanya memaklumkan kepada ahli UMNO di peringkat umbi mengenai asal usul bekas Perdana Menteri itu.